

08 AUG 2002

Sukan-Bolasepak (Perak)

PERLAWANAN PERAK/KEDAH SABTU INI DITUNDA SEHARI

IPOH, 8 Ogos (Bernama) -- Perlawanan bolasepak Piala Malaysia kumpulan D antara Perak dan Kedah di Stadium Perak pada malam Sabtu ini akan ditunda pada hari Ahad keesokannya pada waktu dan tempat yang sama.

Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Perak (PAFA), Datuk Jamal Nasir Rasdi berkata Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) bersetuju dengan permohonan kerajaan negeri supaya perlawanan itu ditunda sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Perak Sabtu ini.

"Berikutan itu, pihak polis terpaksa mengerahkan keseluruhan anggotanya untuk menjaga lalu lintas dan memastikan lawatan Perdana Menteri berjalan lancar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan-Bahan Kimia Berbahaya) 1997 di sini hari ini.

Perdana Menteri akan memulakan lawatannya itu dengan menghadiri majlis di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim sebelum mengadakan perjumpaan dengan Umno negeri di Ipoh pada tengaharinya.

Pada sebelah petang pula, beliau akan menutup kejohanan Badminton Piala Perdana di Stadium Indera Mulia sebelum menghadiri jamuan makan malam sempena kejohanan itu.

Dalam perkembangan lain, Jamal berkata hadiah istimewa bakal menanti para pemain sekiranya mereka memenangi perlawanan akhir Piala FA menentang Pulau Pinang pada 17 Ogos ini.

"Perak berharap untuk mencipta sejarahnya sendiri dengan memenangi Liga Perdana Satu serta Piala FA dan jika boleh memenangi juga Piala Malaysia untuk mencipta sejarah Malaysia," katanya yang juga merupakan pengurus pasukan.

Beliau berkata walaupun tanpa penyerang Khalid Jamlus yang kini bermain di Jerman namun Perak tetap cemerlang, apatah lagi dengan kejayaan Indra Putra Mahayuddin yang menjaringkan gol dalam setiap perlawanan selepas mengambil alih tugas Khalid.

Kali terakhir Perak memenangi Piala FA ialah pada tahun 1990.

Jamal berkata kedua-dua finalis Piala FA mencapai kesepakatan supaya pertandingan akhir itu diadakan di stadium berkecuali tanpa memberikan kelebihan kepada mana-mana pasukan selain membolehkan perlawanan diadakan di stadium yang lebih besar.

-- BERNAMA

KAY ROS